



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | |
|--------------|---|------------|------------|----|
| SURAT KHABAR | : | BH | | |
| TARIKH | : | 18/6/2021 | MUKA SURAT | : |
| JABATAN | : | PTG PAHANG | | 22 |



Aktiviti perlombongan dan pembalakan yang dikesan di sekitar bukit Kampung Melai, Tasik Chini.

(Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

Dakwaan pajakan melombong baharu di Tasik Chini

PTG Pahang nafi kenyataan aktivis

Semakan dapati permohonan syarikat untuk pengoperasian lombong ditolak 28 April lalu

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Pahang menafikan dakwaan pajakan melombong baharu di Tasik Chini diluluskan

seperti didakwa aktivis pada Isnin lalu.

Kenyataan bertajuk 'PTG Pahang dakwa tiada lesen lulus selepas 2019, tapi ada bukti pajakan melombong baharu lulus pada 2020' disiarkan di Facebook milik aktivis berkenaan.

Pengarah PTG Pahang, Datuk Fadzilla Salleh, berkata kenyataan terabit tidak benar dan menegaskan bahawa tiada lagi kelulusan baharu pajakan melombong diberikan di kawasan Tasik Chini oleh kerajaan Pahang selepas Mac 2019.

Katanya, berdasarkan semakan, pajakan melombong yang dimaksudkan sudah diluluskan pada 11 Disember 2013 dan didaftarkan pada 17 September 2020

atas nama sebuah syarikat.

"Tindakan pendaftaran ini mengambil masa kerana terabit dengan permohonan penukaran nama dan penyediaan pelan pra-hitungan serta pelan akui dalam menentukan had sempadan kawasan lombong.

"Bagaimanapun, bagi tujuan pengoperasian lombong, permohonan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) oleh syarikat terabit ditolak oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada 28 April lalu," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, penggunaan 'tahun' pada nombor pajakan melombong yang didaftarkan merujuk kepada tahun sesuatu pa-

Berdasarkan semakan, pajakan melombong yang dimaksudkan sudah diluluskan pada 11 Disember 2013 dan didaftarkan pada 17 September 2020 atas nama sebuah syarikat



Fadzilla Salleh,
Pengarah PTG
Pahang

jakan melombong itu didaftarkan, bukan tahun pajakan melombong diluluskan.

Fadzilla juga memaklumkan, tempoh pajakan melombong dan tempoh operasi adalah dua perkara yang berbeza dengan operasi melombong hanya boleh dimulakan selepas mendapat kelulusan SKSPM yang dikeluarkan oleh JMG mengikut tempoh tertentu.

Awal minggu ini, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memerintahkan aktiviti perlombongan di kawasan Tasik Chini dihentikan selepas baginda mengadakan lawatan mengejut di sekitar kawasan tasik itu.

Baginda juga dilaporkan meneliti laporan dipersembahkan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berhubung aktiviti perlombongan di kawasan terabit serta tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan yang dijalankan oleh kerajaan negeri.